

# Penyertaan Pas dalam BN semata-mata kepentingan politik

15 OCT 2002

KUALA LUMPUR 14 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, penyertaan PAS dalam Barisan Nasional (BN) pada satu masa dahulu semata-mata untuk kepentingan politik parti itu sendiri dan bukan untuk menolong parti komponen lain dalam mendapatkan sokongan rakyat.

“Parti lain yang masuk BN mereka pegang kepada semangat BN iaitu semangat tolong-menolong, malangnya PAS semasa berada dalam BN menggunakan peluang itu untuk parti PAS sahaja,” kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen BN Wilayah Persekutuan di sini, hari ini.

Beliau berkata, apabila pemimpin PAS dilantik menjadi Menteri Tanah dan Galian, orang berkenaan telah menggunakan peluang itu untuk menghasut peneroka tanah rancangan Felda dengan menyatakan BN bukan parti Islam dan sebaliknya mereka patut menyokong PAS kerana ia parti Islam.

“... tiba-tiba kita dapati Felda yang dahulunya 100 peratus menyokong kerajaan tiba-tiba mereka menentang kerajaan,” katanya.

Ketika berucap, Dr. Mahathir berkata, sikap tidak tamak kuasa yang diamalkan oleh parti-parti komponen BN sejak era Perikatan membolehkan kerjasama itu

Walaupun mempunyai perbezaan pendapat, katanya, UMNO, MCA dan MIC dalam BN tetap bekerjasama sehingga dapat memenangi setiap pilihan raya umum.

“Pada 1969 berlaku rusuhan kaum hingga membuatkan negara diserang keganasan dan ekonomi tidak dapat dimajukan tetapi kepimpinan negara tetap berpegang kepada prinsip bekerjasama.

“Ini membolehkan usaha merapatkan hubungan antara kaum dapat dijalankan,” kata Perdana Menteri.

Menurut beliau, rusuhan tersebut berlaku apabila Perikatan tidak memberikan perhatian kepada rintihan

rakyat terutamanya orang Melayu yang ketinggalan dari segi ekonomi.

Ekoran rusuhan itu, Dr. Mahathir berkata, Perikatan dengan berbesar hati mempelawa parti pembangkang termasuk Pas bergabung hingga melahirkan BN.

“Kita tidak tamak kuasa dan memberikan layanan kepada parti-parti baru dengan penuh timbang rasa, keadilan serta bertolak ansur,” ujarnya.

Jelasnya, persefahaman antara parti-parti pembangkang termasuk menggunakan kaedah perundingan dapat mengurangkan polemik politik.

“Dengan itu kerajaan dapat memberikan tumpuan kepada usaha memulihkan pembangunan ekonomi dan sosial yang terbantut ekoran rusuhan kaum,” katanya.

Apa pun, tegas Dr. Mahathir, kerjasama dalam BN kini diperkukuhkan dengan mewujudkan Dewan Te-

rtinggi BN dengan setiap parti komponen tanpa mengira saiznya menghantar tiga orang wakil.

“Sebab itu kita boleh berbahas dengan adil dan meneruskan kerjasama,” ujarnya.

Beliau berkata, persefahaman dan kerjasama yang wujud di kalangan masyarakat pelbagai kaum adalah satu perkara yang unik dan perlu dibanggakan oleh rakyat negara ini.

Dalam ucapannya selama kira-kira satu jam setengah itu, Dr. Mahathir menekankan bahawa perkongsi-an cara hidup dan budaya antara pelbagai kaum di negara ini tidak menjejaskan identiti kaum tersebut.

Sebaliknya, beliau berkata, cara tersebut telah berjaya mengeratkan perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini.